



**TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI KOPI SEMPENA
HARI KOPI ANTARABANGSA
PADA 1 OKTOBER 2021**

oleh

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**1 OKTOBER 2021 (JUMAAT)
9.00 PAGI
LOBI LOT 4G2, JABATAN PERTANIAN**

SALUTATION

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

YANG BERBAHAGIA DATO' ELIYAS BIN SAAD

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori),

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan/Agensi dan Negeri,

Dan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi Dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa syukur kerana dapat bersama-sama dengan anda semua pada hari ini secara dalam talian, bagi menyambut Hari Kopi 2021.
2. Terima kasih kepada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan **Sambutan Hari Kopi 2021**, sempena Hari Kopi Antarabangsa yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun, sebagai satu sambutan buat penggemar kopi, dan secara tidak langsung meraikan petani kopi di seluruh dunia.
3. Sambutan hari kopi ini juga, dapat menzahirkan rasa terima kasih kita kepada semua yang terlibat di sepanjang rantai pengeluaran kopi, bermula daripada petani sehingga kepada penggemar kopi. Penghasilan benih kopi, penanaman kopi di ladang, penuaian kopi, pemprosesan biji kopi, pemasaran dan penghasilan produk berasaskan kopi, adalah antara aktiviti utama dalam rantai nilai tersebut.

4. Sejarah penanaman kopi di Malaysia telah bermula pada abad ke-17 iaitu melalui penanaman kopi Arabica. Pada akhir abad ke-18, kopi Liberica telah diperkenalkan dan seterusnya pada awal abad ke-19, petani di Malaysia mula menanam kopi daripada spesies Robusta.
5. Memandangkan negara Malaysia mempunyai iklim yang sesuai dan tanah lanar yang subur, keberadaan sumber semulajadi ini memberi kelebihan kepada negara kita, untuk mengeluarkan hasil kopi, terutamanya dari spesies Liberica yang mempunyai rasa istimewa dan unik.
6. Untuk rekod, pada tahun 2020, keluasan kawasan penanaman kopi di seluruh Malaysia adalah seluas 2,200 hektar berbanding 2,114 hektar pada tahun 2019. Pengeluaran kopi pada tahun 2020 pula adalah sebanyak 4,241 tan metrik berbanding tahun 2019 sebanyak 3,559 tan di mana negeri pengeluar utama adalah Johor dan Sabah.
7. Industri tanaman kopi di Malaysia hari ini dilihat semakin berpotensi untuk diperkasa dan berkembang maju, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan dalam negara malah mampu dieksport ke luar negara, dan sudah tentu dapat memperkenalkan kopi hasil keluaran negara kita ke seluruh dunia, selain meningkatkan pendapatan ekonomi bersama-sama produk dan peluang perniagaan dalam rantai nilainya.
8. Melangkah ke hadapan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui DOA akan terus komited memberi perhatian agar industri ini terus diperkukuh dan tidak ketinggalan, serta dapat seiring dengan perkembangan industri tanaman agromakanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.
9. Dalam hal ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12, bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain, bertujuan untuk menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai, pembekalan input-input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan perosak dan pemindahan teknologi.

10. MAFI juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan untuk menceburi industri tanaman kopi, termasuk di sepanjang rantai nilai lain berkaitan dengan industri tersebut. Saya percaya golongan muda dapat menghasilkan penyelesaian yang inovatif dan berkesinambungan untuk membangunkan industri tanaman kopi di Malaysia.
11. Sudah tentu dalam menghasilkan secawan kopi, ia memerlukan masa dan usaha keras dari pelbagai pihak terutamanya petani, industri pemprosesan, pengilang dan jabatan atau agensi yang terlibat. ***“There’s a lot of time and effort that’s gone into a cup of coffee”.***

YBhg. Dato’, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Sekalian,

12. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang sudi berkolaborasi menjayakan Sambutan Hari Kopi 2021. Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada semua petani dan pemain industri tanaman kopi di Malaysia.
13. Akhir kata, tahniah dan syabas kepada DOA atas penganjuran julung-julung kalinya program ini. Untuk itu, Saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Kopi bagi tahun 2021.**

Sekian, terima kasih.